

02/04/1997

Naciwid bincang masalah sosial, warga tua

MENANGANI gejala sosial dan menggerakkan warga tua adalah antara fokus utama Jawatankuasa Isu-Isu Sosial, iaitu satu daripada tujuh jawatankuasa yang dibentuk oleh Ahli Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (Naciwid) yang bersidang kali pertama, semalam.

Pengerusi jawatankuasa itu yang juga Naib Pengerusi Naciwid, Puan Sri Dr Fatimah Hamid Don, berkata agenda utama adalah membuat tinjauan khusus mengenai cara menangani masalah sosial di kalangan remaja.

"Jawatankuasa ini akan menilai cara terbaik sebelum membuat sebarang rumusan mengenai cadangan isu berkenaan.

"Kami tidak mahu melakukan sebarang cadangan sekarang kerana tidak mahu bertindih dengan usaha pihak lain, terutama di peringkat kebangsaan yang bekerja keras menyelesaikan masalah itu," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat pertama Naciwid, di Wisma Bumi Raya, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Di majlis berkenaan, Pengerusi Naciwid Prof Dr Nik Safiah Karim, mengumumkan pembentukan enam jawatankuasa lain iaitu Undang-undang dan Penguatkuasaan dipengerusikan Rasamani Kandiah; Dasar dan Strategi (Prof Datin Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabuddin); Aids (Datuk Marina Mahathir); Media dan Komunikasi (Aishah Ali); Ekonomi (Datuk Norazah Awin/Yvonne Chia); dan Penyelarasan dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dipengerusikan sendiri oleh Nik Safiah.

Naciwid dibentuk sejak 1975 apabila kerajaan menyusuli tindakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang meminta setiap negara mewujudkan satu jentera memastikan pembabitan wanita dalam pembangunan negara.

Ahli Naciwid Penggal Ketujuh berkuatkuasa 1 Mac 1997, lalu hingga 28 Februari 2002, dan tugasnya adalah sebagai penasihat kepada kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

Antara bidang kuasa Naciwid ialah memberi nasihat, pandangan dan perakuan kepada kerajaan mengenai langkah positif yang patut diambil dalam usaha mengintegrasikan wanita sepenuhnya dalam pembangunan.

Nik Safiah berkata, Naciwid akan bekerja rapat dengan Unit Hal Ehwal Wanita (Hawa) yang akan menjadi jentera pelaksana cadangan yang digariskan.

"Naciwid juga akan berusaha mengukuhkan Hawa yang ketika ini menghadapi kekurangan kaki tangan. Majlis ini akan mempunyai urusetianya sendiri bagi memudah dan mengukuhkan Hawa menjalankan tanggungjawabnya," katanya.

Antara perkara lain yang dibincangkan ialah meminta Wisma Putra memohon meneruskan keanggotaan Malaysia di Konvensyen Status Wanita yang beribu pejabat di New York. Keanggotaan Malaysia di konvensyen berkenaan tamat tahun ini.

(END)